

FREQUENTLY ASKED QUESTIONS (FAQ)
BERHUBUNG
DASAR KESELAMATAN DAN KETENTERAMAN AWAM (DKKA)

Q1 Apakah sebenarnya Dasar Keselamatan dan Ketenteraman Awam (DKKA) ?

A1 Objektif DKKA adalah suatu dasar yang komprehensif dalam memastikan keselamatan dan ketenteraman awam negara ini sentiasa terpelihara, seterusnya menjamin kesejahteraan rakyat dan kelangsungan Malaysia sebagai sebuah negara yang aman, makmur, berdaulat dan dihormati di persada dunia.

Q2 Apakah skop tumpuan DKKA ?

A2 Antara fokus yang diliputi di dalam teras dan strategi DKKA ialah keperluan mempertahankan dan menjunjung Perlembagaan dan institusi utama negara; meningkatkan tadbir urus dan integriti; memperkuuhkan kawalan keselamatan sempadan negara, menjamin keselamatan dan ketenteraman awam, memerangi gejala dadah serta melindungi aset dan sasaran penting negara.

Q3 Apa perbezaan di antara DKKA dan Dasar Keselamatan Negara ?

A3 Secara am, aspek keselamatan di negara ini meliputi dua elemen bersifat sektoral iaitu, keselamatan dalam negeri dan ketenteraman awam di bawah tanggungjawab Kementerian Dalam Negeri (KDN) sementara pertahanan negara di bawah tanggungjawab Kementerian Pertahanan (MINDEF). Kedua-dua elemen sektoral tersebut pula dipayungi secara keseluruhannya oleh Dasar Keselamatan Negara yang diterajui oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN). Oleh itu, DKKA adalah menjurus kepada aspek keselamatan dalam negeri dan ketenteraman awam sahaja.

Q4 Apa perbezaan di antara DKKA dan juga Dasar Keselamatan Dalam Negeri (DKDN) sebelum ini ?

A4 DKDN yang dilancarkan pada Februari 2016 mengandungi 8 teras strategik dan 34 objektif. Dasar ini meliputi skop yang luas kerana pada masa tersebut Dasar Keselamatan Negara (DKN) sebagai payung dasar keselamatan belum dirangka oleh Majlis Keselamatan Negara. Contohnya, kesepaduan sosial telah dijadikan teras strategik dalam DKDN, walaupun ia tidak berkait secara langsung dengan keselamatan dan ketenteraman awam. Aspek kesepaduan sosial lebih wajar ditangani Dasar Sosial Negara.

Justeru, DKKA telah dirangka secara pragmatik dengan mengambil kira semangat DKN tersebut, aspirasi Kerajaan dan cabaran keselamatan semasa.

Q5 Kerajaan pada masa ini sering menyatakan bahawa kedaulatan undang-undang (*rule of law*) adalah amat penting untuk ditegakkan. Adakah DKKA juga dirangka dengan memberi tumpuan kepada perkara ini?

A5 Teras 1 DKKA adalah “Mempertahankan Keluhuran Perlembagaan, Kedaulatan Undang-Undang dan Institusi Utama Negara.”

Perlembagaan Persekutuan merupakan undang-undang tertinggi di Malaysia yang menjamin kedaulatan negara selain menjadi garis panduan kepada penggubalan undang-undang. Perlembagaan Persekutuan juga menggariskan peruntukan berhubung dengan amalan Sistem Raja Berperlembagaan berteraskan institusi Yang di-Pertuan Agong (YDPA) dan Demokrasi Berparlimen yang merangkumi Badan Eksekutif, Perundangan dan Kehakiman. Keluhuran Perlembagaan, kedaulatan undang-undang dan keutuhan institusi-insitusi utama negara tersebut harus sentiasa dihayati oleh semua lapisan masyarakat agar ketenteraman awam dan kestabilan negara terus terpelihara.

Q6 Pada masa ini, isu integriti termasuk dalam kalangan anggota penguatkuasa sangat diperkatakan, apa pandangan Tan Sri berhubung isu ini ?

A6 Pada pandangan saya, isu integriti walau di mana sahaja tidak wajar dikompromi. Pihak kerajaan termasuk KDN tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan tegas kepada mana-mana pihak yang terlibat. Sehubungan dengan itu, melalui teras 2 DKKA, usaha berterusan perlu sentiasa dilaksanakan bagi meningkatkan tadbir urus termasuk sistem penyampaian perkhidmatan, akauntabiliti dan integriti serta pematuhan terhadap undang-undang. Pengukuhan tadbir urus membolehkan agensi penguatkuasaan keselamatan menyampaikan perkhidmatan secara telus, cekap, berkesan dan memenuhi harapan pemegang taruh.

Q7 Negara kita sering menghadapi masalah kebanjiran warga asing yang turut menyumbang kepada jenayah rentas sempadan. Apakah pendekatan kerajaan bagi mengatasi masalah ini ?

A7 Memang tidak dinafikan, kemakmuran dan kestabilan Malaysia menjadi faktor penarik kepada kemasukan ramai warga asing ke negara ini termasuk secara tidak sah. Akibatnya, negara mengalami kebanjiran pendatang asing tanpa izin dan juga risiko penyeludupan barang-barang kawalan di sempadan. Justeru, kawalan keselamatan sempadan negara perlu diperkuuhkan melalui peningkatan pengawasan sempadan termasuk penggunaan teknologi dan peralatan terkini. Selain itu, kawalan di pintu masuk negara akan dipertingkatkan dengan kerjasama bersepadu semua agensi Kerajaan berkenaan.

Q8 Sebagai sebuah kementerian yang bertanggungjawab terhadap ketenteraman awam, bagaimana KDN melihat penyebaran elemen, fahaman ekstremisme dan gerakan yang bercanggah dengan sosiobudaya tempatan ?

A8 Malaysia sebagai negara majmuk yang terdiri daripada pelbagai bangsa, budaya dan agama, maka perpaduan nasional merupakan prasyarat kritikal kepada kemakmuran negara. Penyebaran elemen, fahaman ekstremisme dan gerakan yang bercanggah dengan sosiobudaya tempatan dan mengancam ketenteraman awam serta perpaduan nasional wajar dibendung demi kesejahteraan bersama.

Q9 Apakah pandangan KDN berkenaan gejala dadah yang masih sukar dikawal sehingga kini ?

A9 Gejala penyalahgunaan dadah masih lagi merupakan musuh utama negara. Masalah ini bertambah kompleks dengan kemunculan dadah sintetik baharu yang lebih mudah dihasil dan diedarkan. Usaha berterusan bagi menangani gejala dadah perlu dilaksanakan dengan memberi tumpuan kepada pendekatan komprehensif dan seimbang melalui kaedah pendidikan pencegahan, rawatan dan pemulihan, penguatkuasaan undang-undang, pelaksanaan hukuman, pengurangan kemudaratan dan kerjasama strategik bersama pelbagai pihak berkaitan.

Q10 Bagaimanakah KDN memastikan kelangsungan perkhidmatan perlu dan keselamatan aset-aset penting negara tidak terjejas ?

A10 Negara perlu mengawal dan melindungi aset-aset strategik dan sasaran penting secara berterusan. Hal ini bagi memastikan keselamatan aset dan sasaran penting negara seterusnya menjamin kesinambungan perkhidmatan perlu. Aspek keselamatan ini tidak wajar dikompromi supaya tidak menjadikan kelangsungan sistem pentadbiran Kerajaan dan negara

Q11 Apakah tema DKKA dan mengapa tema ini dipilih ?

A11 Tema DKKA adalah “Keselamatan dan Ketenteraman Awam: Tanggungjawab Bersama.” Dalam hal ini, perlu diingati bahawa aspek keselamatan dan ketenteraman awam merupakan tanggungjawab semua pihak dan tidak hanya terletak di bahu Kerajaan. Kerjasama erat daripada pelbagai pihak amat penting dalam memastikan keselamatan dan ketenteraman awam terjamin. DKKA akan memberi tumpuan kepada usaha kolaborasi dan penglibatan semua pihak termasuk NGO dan pihak industri, berpaksikan kepada semangat kesukarelawan, patriotisme dan tanggungjawab sosial korporat (CSR) bagi mengambil langkah bersama dalam menangani cabaran dalam sektor keselamatan dan ketenteraman awam.